



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

PEKELILING AGENSI PERSendirian BILANGAN 4 TAHUN 2010

Semua Syarikat Agensi Persendirian

SYARAT/PERATURAN PENGENDALIAN SERTA PENGURUSAN AGENSI PERSendirian DI BAWAH AKTA EJENSI PERSendirian 1971

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Syarikat Agensi Persendirian mengenai **Syarat/Peraturan Pengendalian dan Pengurusan Agensi Persendirian Di Bawah Akta Ejensi Persendirian 1971**.

LATAR BELAKANG

2. Mengikut Seksyen 3(2), Akta Ejensi Persendirian 1971 menetapkan bahawa *Menteri boleh mengenakan syarat ke atas lesen itu sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini* manakala Seksyen 18 (h) pula menetapkan bahawa *Menteri boleh membuat kaedah-kaedah secara am untuk melaksanakan peruntukan Akta ini dan kaedah-kaedah itu boleh membuat peruntukan secara am bagi maksud melaksanakan Akta ini*.

3. Pada tahun 2006, Kementerian telah mengeluarkan Surat Pekeliling Agensi Persendirian Bil. 1 Tahun 2006 bagi menjelaskan peranan dan obligasi pemilik syarikat agensi persendirian dalam mengendalikan dan menguruskan agensi persendirian.

4. Walau bagaimanapun, Kementerian mendapati sejak kebelakangan ini banyak rungutan dan rasa tidak puas hati di kalangan orang awam mengenai kelemahan perkhidmatan syarikat agensi persendirian. Selain itu, Kementerian juga mendapati terdapat banyak syarikat agensi persendirian melakukan kesalahan teras di bawah Akta dan peraturan yang ditetapkan. Antara kesalahan-kesalahan adalah seperti berikut:

4.1 kesalahan teras di bawah Akta

- 4.1.1 tidak memperbaharui lesen;
- 4.1.2 tidak melakukan tapisan keselamatan;
- 4.1.3 tidak mematuhi syarat dan warna pakaian seragam; dan
- 4.1.4 tidak mempunyai kad pengawal keselamatan.

4.2 kesalahan peraturan di bawah pekeliling agensi

- 4.2.1 menggaji atau mengambil pengawal melebihi had umur yang dibenarkan;
- 4.2.2 melakukan pertukaran ahli lembaga pengarah/pemegang saham tanpa kelulusan Kementerian;
- 4.2.3 gagal mencarum dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB);
- 4.2.4 tidak mematuhi syarat latihan mengikut kuota yang ditetapkan;
- 4.2.5 tidak mematuhi arahan tetap pengendalian *Cash in Transit (CIT)*;
- 4.2.6 melantik pengurus cawangan yang telah dilantik syarikat lain bagi menjimatkan kos;
- 4.2.7 tidak memohon kelulusan Kementerian bagi perubahan alamat, pembukaan cawangan baru dan sebagainya;
- 4.2.8 tidak membayar gaji pengawal atau membayar kurang dari gaji yang sepatutnya diterima;
- 4.2.9 menempatkan anggota yang tidak terlatih di tempat-tempat strategik seperti bank-bank; dan
- 4.2.10 menggunakan pekerja asing tanpa permit yang sah.

SYARAT/PERATURAN PENGENDALIAN DAN PENGURUSAN AGENSI PERSENDIRIAN DI BAWAH AKTA EGENSI PERSENDIRIAN 1971

5. Kementerian telah mengkaji dan menyemak semula syarat/peraturan sedia ada yang bertujuan untuk memperkemasnya agar sejajar dengan hasrat Kementerian untuk memartabatkan industri kawalan keselamatan ke arah yang lebih kompetatif dan berdaya maju.

6. Semua syarikat agensi persendirian **DIKEHENDAKI** mematuhi syarat/peraturan pengendalian dan pengurusan agensi persendirian seperti di **LAMPIRAN A [KKDN.S.205/208/2 klt 4]**.

KUASA-KUASA BERKAITAN

7. Pekeliling ini dikeluarkan selaras dengan Seksyen 3(2) dan Seksyen 18, Akta Ejen Persendirian 1971 bagi tujuan mempertingkatkan lagi perkhidmatan syarikat agensi persendirian.

8. Kegagalan syarikat mematuhi syarat/peraturan pengendalian dan pengurusan agensi persendirian di bawah Akta Ejen Persendirian 1971 akan menyebabkan syarikat akan dikenakan tindakan mengikut Akta berkenaan.

TARIKH KUATKUASA

9. Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 4 Tahun 2010 ini berkuatkuasa serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMBATALAN

10. Dengan kuat kuasanya Pekeliling Agensi Persendirian ini, Surat Pekeliling Agensi Persendirian Bil.1 Tahun 2006 bertarikh 7 Ogos 2006 adalah terbatal.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATO' SERI MAHMOOD BIN ADAM)

Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

Tarikh:

Salinan kepada:

1. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK)
2. Ibu Pejabat Polis Bukit Aman

3. Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM)
4. Persatuan Bank-Bank Malaysia
5. Kementerian Pelajaran Malaysia
6. Kementerian Kesihatan Malaysia

**SYARAT/PERATURAN PENGENDALIAN SERTA PENGURUSAN AGENSI
PERSENDIRIAN DI BAWAH SEKSYEN 3, AKTA EJENSI PERSENDIRIAN
1971**

**[SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN, PENYIASAT PERSENDIRIAN DAN
PENYELARAS INSURANS]**

Para 1: Syarat Tambahan Pembaharuan Lesen

- 1.1 mematuhi syarat-syarat tambahan pembaharuan lesen seperti berikut:
 - 1.1.1 kuota pengawal keselamatan (pengawal tempatan dan Nepal) mestilah mengikut kuota yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri dari semasa ke semasa;
 - 1.1.2 mengemukakan maklumat korporat syarikat (*Corporate Information*) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang terkini;
 - 1.1.3 mengemukakan slip bayaran levi Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB) bagi tahun semasa;
 - 1.1.4 mengemukakan salinan sijil keahlian PPKKM bagi tahun semasa;
 - 1.1.5 mengemukakan dokumen sokongan seperti berikut:
 - (a) borang 24, 32 A dan 49;
 - (b) penyata kewangan beraudit terkini (sekurang-kurangnya dua (2) terakhir);
 - (c) slip bayaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi tahun semasa;
 - (d) polisi insuran;
 - (e) slip bayaran cukai perkhidmatan dan pendapatan bagi tahun semasa;

- (f) laporan pemeriksaan perubatan yang terkini bagi pengawal yang melebihi umur 56;
- (g) salinan lesen Bank Negara Malaysia (BNM) dari syarikat yang mempunyai lesen 2b;
- (h) salinan asal lesen agensi;
- (i) kepilkan bersama borang-borang berikut:
 - i. borang F;
 - ii. borang maklumat pengawal keselamatan Nepal;
 - iii. borang maklumat cawangan; dan
 - iv. borang maklumat kontrak.

Para 2: Pengambilan Pekerja Dan Pengawal Keselamatan

2.1 Syarat-Syarat Lantikan

2.1.1 calon pekerja dan pengawal keselamatan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun;
- (c) pengawal keselamatan berumur lebih 65 tahun tidak dibenarkan. Bagi pengawal yang berumur 56 tahun hingga 65 tahun hendaklah mendapat pengesahan dari Pegawai Perubatan mengenai tahap kesihatan bagi setiap tahun;
- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal seperti berikut:

tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.52 m (5') bagi wanita;

 - (i) berat badan sekurang-kurangnya 47.6 kg (105 paun) bagi lelaki dan 46 kg (100 paun) bagi wanita;
 - (ii) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat ; dan

- (iii) diakui sihat dan sesuai oleh Pegawai Perubatan. (Pengesahan dari Pegawai Perubatan adalah diperlukan bagi setiap pengawal yang diambil bekerja).

2.1.2 syarikat bertanggungjawab menyediakan dokumen-dokumen berikut kepada pengawal:

- (a) surat pelantikan perjawatan;
- (b) slip gaji bulanan yang sah; dan
- (c) peraturan pekerjaan syarikat.

2.1.4 hanya warganegara Nepal (bekas tentera) yang **diluluskan** oleh Kementerian sahaja yang dibenarkan untuk bekerja sebagai pengawal keselamatan.

2.2 Tapisan Keselamatan

2.2.1 Semua peringkat pekerja dan pengawal keselamatan hendaklah:-

- (a) **LULUS** tapisan keselamatan atau sekurang-kurangnya telah melakukan proses tapisan keselamatan di dalam sistem;
- (b) **LULUS** ujian air kencing [setiap pengawal keselamatan yang diambil bekerja hendaklah menjalani ujian air kencing];
- (c) bagi pemeriksaan kesihatan yang lain ia tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh agensi persendirian;
- (d) hanya pengawal yang telah **lulus tapisan keselamatan dan ujian air kencing sahaja** dibenarkan bekerja; dan
- (e) pengawal yang gagal tapisan keselamatan boleh membuat rayuan kepada Kementerian dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan diterima.

2.3 Latihan

2.3.1 Pengawal keselamatan hendaklah:-

- (a) menjalani latihan induksi/dalaman syarikat dalam masa tujuh (7) selepas diambil bekerja;
- (b) menjalani latihan asas pengawal keselamatan tahap I yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri dalam tempoh tiga (3) bulan selepas lulus tapisan keselamatan. Latihan asas ini hanya perlu dihadiri sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatan pengawal dalam industri kawalan keselamatan;
- (c) menjalani latihan berkaitan senjata api sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan Tetap Senjatapi; dan
- (d) menjalani Latihan Pengendalian *Cash In Transit* dalam tempoh tiga (3) bulan di pusat latihan yang diiktiraf oleh Kementerian Dalam Negeri.

2.3.2 Perjawatan-Perjawatan lain

- (a) menjalani latihan kemahiran mengikut perjawatan (ketua pengawal, pegawai ronda, operasi dan penyelia) tertentu sebelum pengesahan jawatan tersebut.

2.4 Kad Pengenalan Pengawal Keselamatan (KPPK)

- 2.4.1 pengawal keselamatan hendaklah mempunyai dan memakai KPPK yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Para 3: Pakaian Seragam

- 3.1 Agensi persendirian hendaklah memastikan pemakaian pakaian seragam oleh pengawal keselamatan dipatuhi

sebagaimana yang digariskan dalam **Pekeliling Agensi Persendirian Bil.1/2009**. Antaranya adalah seperti berikut:-

- (a) **MESTI** memakai pakaian seragam yang lengkap (mempunyai lencana dan lambang agensi persendirian) semasa bertugas. Kegagalan agensi persendirian memastikan semua pengawal keselamatan mematuhi peraturan ini boleh menyebabkan syarikat dikenakan tindakan di bawah Akta Ejen Persendirian 1971;
- (b) pengawal keselamatan hendaklah memakai pakaian seragam yang ditetapkan dengan kombinasi warna seperti berikut:-

Kombinasi	Warna Baju kemeja	Warna Seluar
1	Beige (kod warna: MS 888 14)	Hitam (kod warna: MS 888 9)
2	Putih (kod warna: MS 888 8)	Biru gelap (kod warna: MS 888 8021)
3	Kelabu Biru (kod warna: MS 888 8005)	Biru gelap (kod warna: MS 888 8021)

- (c) penggunaan warna-warna lain **tidak dibenarkan**. Kelulusan Kementerian perlu diperolehi terlebih dahulu jika agensi persendirian ingin menggunakan pakaian seragam korporat pelanggan; dan
- (d) reka bentuk lambang atau lencana hendaklah mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri terlebih dahulu.

Para 4: Pemilikan Dan Pengendalian Senjata Api

- 4.1 Agensi persendirian yang diberikan kebenaran memiliki dan mengendalikan senjata api oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) perlu mematuhi syarat-syarat berikut:
- (a) **memiliki lesen senjata api dan C&U** terlebih dahulu sebelum menjalankan sesuatu aktiviti kawalan bersenjata;
 - (b) mematuhi Peraturan Tetap Operasi (PTO No.1 Tahun 2010) bagi penggunaan dan pengendalian senjata api yang dikeluarkan Kementerian Dalam Negeri (KDN);
 - (c) mengemukakan laporan kepada KDN mengenai jumlah pengawal bersenjata, bilangan dan jenis senjata api yang dimiliki **setiap enam (6) bulan sekali**. Kegagalan syarikat mematuhi peraturan ini boleh menyebabkan agensi persendirian dikenakan tindakan di bawah Akta Ejen Persendirian 1971; dan
 - (d) mempunyai sebuah bilik kebal ataupun peti besi mengikut PTO No.1 Tahun 2010 yang ditetapkan untuk menyimpan senjata dan peluru dengan selamat. Speksifikasi bilik kebal mesti mendapat kelulusan PDRM.

Para 5: Perkhidmatan dan Pengendalian Cash Valueable In Transit (CVIT)

- 5.1 Syarikat perlu mematuhi **Peraturan Tetap Operasi (PTO Pengurusan dan Pengendalian CVIT No.2 Tahun 2010)** yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Para 6: Pejabat Agensi Persendirian / Cawangan / Operasi / Setiausaha Syarikat

6.1 Pejabat agensi persendirian / cawangan

- (a) perlu mendapatkan kelulusan Kementerian Dalam Negeri terlebih dahulu sebelum menubuhkan cawangan agensi persendirian;
- (b) lesen agensi persendirian adalah **dilarang sama sekali** untuk **diproksi, dipajak atau disewakan**;
- (c) mengemukakan maklumat pejabat cawangan kepada Kementerian bagi **setiap enam (6) bulan sekali tanpa gagal** seperti alamat pejabat cawangan / operasi, nama pengurus, bilangan kakitangan dan pengawal;
- (d) **sebarang pertukaran/perubahan nama, alamat syarikat / cawangan / operasi, urusan perkongsian (partnership) dan urusan syarikat (corporation) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat agensi persendirian No. 79/ 65 atau sebaliknya hendaklah mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri; dan**
- (e) syarikat agensi persendirian **tidak dibenarkan** menggunakan **rumah kediaman berpenghuni** sebagai premis syarikat.

6.2 Pejabat setiausaha syarikat agensi persendirian;

- (a) nama dan alamat setiausaha syarikat hendaklah dikemukakan kepada Kementerian; dan
- (b) sebarang pertukaran setiausaha syarikat perlu memaklumkan kepada Kementerian Dalam Negeri.

6.3 Pejabat operasi

- (a) sebarang penubuhan/pembukaan/pertukaran pejabat operasi hendaklah dimaklumkan kepada Kementerian Dalam Negeri.

Para 7: Pemegang Saham dan Pengarah Agensi Persendirian

7.1 Syarikat agensi persendirian hendaklah mematuhi peraturan berkaitan pertukaran ahli lembaga pengarah / pemegang saham sebagaimana yang digariskan dalam **Surat Pekeliling Syarikat Agensi Persendirian Bil.1/2010**. Di samping itu, syarikat agensi persendirian juga hendaklah mematuhi ketetapan tambahan berikut:-

- (a) sebarang pertukaran pengerusi, pengarah urusan/pengarah eksekutif, pengarah atau pemegang saham **hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu** daripada Menteri Dalam Negeri dengan menyatakan sebab-sebab pertukaran perlu dibuat;
- (b) sebarang pemindahan saham atau penambahan modal berbayar syarikat hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Kementerian Dalam Negeri;
- (c) seseorang pengarah/pemegang saham **tidak dibenarkan** menjadi pengarah/pemegang saham kepada lebih dari sebuah syarikat agensi persendirian;
- (d) seseorang pengarah/pemegang saham syarikat agensi persendirian yang dibatalkan lesen agensi persendirian **tidak dibenarkan** untuk menjadi pengarah/pemegang saham syarikat agensi persendirian lain sekurang-kurangnya bagi **tempoh lima (5) tahun**; dan
- (e) struktur pemilikan saham / ekuiti dalam sesebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat hendaklah selaras dengan dasar-dasar Kerajaan.

Para 8: Daftar Syarikat

- 8.1 Syarikat agensi persendirian hendaklah mengemukakan tidak lewat daripada 7 haribulan pada tiap-tiap bulan Borang Daftar Pekerja (Borang F) menurut Kaedah 9 di bawah Kaedah-kaedah Agensi Persendirian 1970 dengan maklumat tambahan yang berikut:-
- (a) nombor keahlian Kumpulan Wang Simpanan pekerja (KWSP);
 - (b) nombor pendaftaran PERKESO bagi tiap-tiap pekerja;
 - (c) butir-butir mengenai pekerja-pekerja yang terdiri dari bekas polis dan bekas tentera; dan
 - (d) mengemukakan daftar pekerja warganegara Nepal mengikut format di **Lampiran 1**.
- 8.2 Syarikat agensi persendirian hendaklah **mematuhi** semua undang-undang pekerjaan seperti Akta Kerja; dan
- 8.3 Syarikat agensi persendirian hendaklah mengemukakan laporan tahunan bersama kira-kira tahunan yang telah diaudit tidak lewat daripada 31 Mac dalam tahun yang berikutnya.

Para 9: Perlindungan Insuran

- 7.1 Semua agensi persendirian adalah **MESTI** mengambil perlindungan insurans bagi setiap anggota pengawal dan harta yang dikawal.

Para 10: Penggunaan Peralatan

- 10.1 Agensi persendirian hendaklah memastikan perkara berikut dipatuhi:-

- (a) pengendalian '*Central Monitoring System*' **perlu mendapat kelulusan** Kementerian Dalam Negeri;
- (b) penggunaan gari **tidak dibenarkan**; dan
- (c) penggunaan anjing untuk tujuan menjalankan kawalan mestilah mendapat kelulusan Kementerian Dalam Negeri;

Para 11: Larangan Menyimpan Dokumen Pengenalan Diri Pelawat Oleh Pengawal Keselamatan

11.1 Pengawal keselamatan **tidak dibenarkan** menyimpan dokumen pengenalan diri seperti kad pengenalan dan dokumen pengenalan diri. Adalah menjadi kesalahan bagi pengawal keselamatan untuk menyimpan dokumen pengenalan diri pelawat di bawah Peraturan-Peraturan Pendaftaran Kebangsaan 1990 [P.U.(A) 472/1990].

Para 12: Keahlian Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM)

12.1 Semua syarikat agensi persendirian yang berdaftar di bawah Akta Ejen Persendirian 1971 (Akta 27) **MESTI** menjadi ahli PPKKM.

Para 13: Permatuhan Terhadap Syarat dan Peraturan

13.1 Semua agensi persendirian hendaklah mematuhi semua syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Kegagalan syarikat mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan di atas boleh dikenakan tindakan dibawah Seksyen 4 (1), Akta Ejen Persendirian 1971.



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

PERATURAN TETAP OPERASI (PTO) NO.1 TAHUN 2010

Semua Syarikat Agensi Persendirian

PENGGUNAAN DAN PENGENDALIAN SENJATA API OLEH SYARIKAT AGENSI PERSENDIRIAN YANG BERLESEN DI BAWAH AKTA AJENSI PERSENDIRIAN 1971

TUJUAN

1. Peraturan Tetap Operasi (PTO) ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Syarikat Agensi Persendirian mengenai peraturan **Penggunaan dan Pengendalian Senjata Api Oleh Syarikat Yang Berlesen di Bawah Akta Ejenji Persendirian 1971**.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian mendapati sejak kebelakangan ini banyak berlaku kejadian-kejadian kecuaiian pengendalian senjata api oleh pengawal keselamatan semasa bertugas atau semasa menyerahkan balik senjata api. Kejadian-kejadian ini boleh menyebabkan keselamatan nyawa dan harta benda awam terancam.

3. Justeru Kementerian telah mengkaji dan menyediakan Peraturan Tetap Operasi (PTO) No. 1 Tahun 2010 ini sebagai panduan mengenai langkah-langkah pencegahan dalam mengguna dan mengendalikan senjata api oleh syarikat dan pengawal keselamatan.

4. Bagi memastikan penyediaan Peraturan ini dibuat secara kolektif, Kementerian telah mengadakan Bengkel Pindaan Akta dan Peraturan Agensi Persendirian pada 5 hingga 7 Ogos 2010 yang melibatkan Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM).

TAKRIF PELESENAN SENJATA API DI BAWAH AKTA SENJATA API 1960

5. Setiap syarikat agensi persendirian hendaklah mempunyai:
- 5.1 Lesen A (induk) senjata api yang diluluskan oleh PDRM kepada syarikat;
 - 5.2 Lesen B (C & U) yang diluluskan oleh PDRM perlu dimiliki oleh pengawal bersenjata ketika menjalankan tugas berkenaan; dan
 - 5.3 Lesen-lesen di atas hendaklah diperbaharui setiap tahun mengikut tarikh yang telah ditetapkan .

PERATURAN TETAP PENGGUNAAN DAN PENGENDALIAN SENJATA API OLEH SYARIKAT AGENSI PERSENDIRIAN

6. Syarat-syarat pengguna senjata api oleh syarikat agensi persendirian hendaklah:
- 6.1 **menggunakan senjata api milik syarikat** untuk tujuan kawalan;
 - 6.2 **memiliki lesen senjata api dan lesen C&U** terlebih dahulu sebelum menjalankan sesuatu aktiviti kawalan bersenjata;
 - 6.3 pengawal mesti **lulus tapisan keselamatan** Kementerian Dalam Negeri (KDN);
 - 6.4 pengawal mendapat **kelulusan lesen membawa dan menggunakan senjata api** atau *Carry and Use License (C & U)*;
 - 6.5 tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada pengawal keselamatan bersenjata adalah seperti berikut:
 - 6.5.1 pengawalan setempat (*static guarding*) seperti di bank-bank, kedai-kedai emas, pejabat-pejabat, rumah persendirian dan lain-lain institusi yang memerlukan pengawalan bersenjata;
 - 6.5.2 pengiring (*escorting*) seperti *Cash In Transit (CIT)* atau mengiring kenderaan yang membawa barangan yang

berharga (barang kemas, barang-barang terkawal dan sebagainya);

6.5.3 rondaan bersenjata; dan

6.5.4 pengawal peribadi.

6.6 mengeluarkan dan membenarkan penggunaan senjata api kepada pengawal keselamatan yang tidak layak (tidak mempunyai lesen C&U) **tidak dibenarkan sama sekali**;

6.7 menggunakan senjata api milik persendirian dan RELA untuk tujuan kawalan keselamatan **tidak dibenarkan sama sekali** [*sekiranya syarikat perlu untuk menggunakan senjata api milik persendirian untuk tujuan kawalan syarikat, syarat kegunaan senjata api perlu dipinda dan mendapat kelulusan daripada Polis sebelum menggunakannya*]; dan

6.8 **pemegang Lesen A senjata api** adalah bertanggungjawab memastikan semua pergerakan maklumat senjata api dan peluru terhad kepada yang berkenaan sahaja.

7. Langkah-langkah keselamatan dalam pengendalian senjata api hendaklah meliputi:

7.1 **Pengeluaran Senjata Api dan Peluru**

7.1.1 setiap pengeluaran senjata api daripada bilik kebal atau setor senjata adalah tertakluk kepada peraturan berikut:

(a) hanya pengawal keselamatan yang layak (mempunyai lesen C&U);

(b) senjata api hanya boleh dibekalkan untuk **kegunaan tugas rasmi** sahaja dan hendaklah dikembalikan semula setiap kali setelah selesai tugas. Senjata api tidak dibenarkan dibawa balik atau untuk kegunaan peribadi;

(c) hanya dibenarkan membawa sepucuk/selaras senjata api pada satu masa sahaja.

(d) tidak membenarkan senjata api dikeluarkan lebih awal dari masa yang dibenarkan untuk bertugas;

- (e) menandatangani buku daftar keluar/masuk senjata api dengan mengisi tarikh dan waktu yang tepat dan lain-lain butir yang diperlukan;
- (f) membekalkan jumlah peluru mengikut bilangan yang telah ditetapkan dan jumlah peluru yang diambil hendaklah direkodkan serta ditandatangani di dalam buku pengeluaran peluru;
- (g) memulangkan senjata api dan peluru sejurus selesai bertugas dan penyelia setor hendaklah memeriksa senjata semasa dipulangkan di dalam keadaan selamat dan baik serta peluru yang dipulangkan cukup seperti yang dikeluarkan di dalam buku daftar keluar/masuk senjata api dan peluru;
- (h) tidak membenarkan senjata api atau peluru dikeluarkan kepada pengawal keselamatan yang tidak mempunyai lesen C&U;
- (i) mengeluarkan senjata api kepada pengawal mengikut nombor siri yang tercatat di dalam lesen C&U pengawal tersebut. **Pengawal tidak dibenarkan membawa atau menggunakan lain-lain senjata api kecuali senjatapi yang tercatat di dalam nombor siri lesen C&Unya.**

7.2 Penggunaan Dan Pengendalian Senjata Api

7.2.1 setiap syarikat dan pengawal perlu mematuhi peraturan seperti berikut:

- (a) pengawal yang membawa, mengendali dan menggunakan senjata api **tidak dibenarkan menaiki kenderaan awam** melainkan kenderaan syarikat agensi persendirian tersebut. **Pengawal keselamatan bersenjata mesti berpakaian seragam lengkap syarikat.** Pemakaian pakaian dan kenderaan awam hanya akan dibenarkan apabila mendapat kelulusan/arahan syarikat untuk menjalankan tugas-tugas yang tertentu (pengawal peribadi atau pengiring berpakaian awam) atau waktu kecemasan sahaja;

- (b) pengawal keselamatan tidak dibenarkan sama sekali untuk melepaskan tembakan kecuali untuk mempertahankan nyawanya sendiri, orang awam atau harta benda di bawah kawalannya ketika terancam. ***Tembakan amaran adalah tidak dibenarkan sama sekali;***
- (c) pengawal hendaklah menentukan senjata api di dalam keadaan selamat dan baik serta tiada peluru di dalam *chamber* semasa mengeluarkan senjata api dari setor senjata. Pengawal hendaklah menyelamatkan senjata api semasa mengambil senjatapi sebelum memulakan tugas;
- (d) pengawal hendaklah mengarahkan laras senjata api ke atas (langit) semasa menyelamatkan senjata api manakala semasa mengeluarkan peluru, senjata api hendaklah samada hala ke arah langit atau ke bawah;
- (e) pengawal tidak dibenarkan mengarah senjata api ke arah sesiapaupun tanpa sebab melainkan untuk tujuan menembak;
- (f) pengawal yang membawa dan menggunakan senjata api, jari hendaklah sentiasa tidak berada di luar pelindung pemetik picu (*trigger guard*) melainkan dengan tujuan untuk menembak sahaja [*ini penting bagi mengelak sebarang kemalangan sekiranya pembawa senjata api terjatuh atau tergelincir yang boleh menyebabkan kemalangan*];
- (g) pengawal **tidak dibenarkan sama sekali** bermain-main senjata api semasa bertugas. [*Senjata api (jenis pump gun) boleh meletup dengan sendiri atas sebab gegaran atau terpetik picu atau terhentak semasa jatuh jika senjata telah dicekahkan (coocking)*]; dan
- (h) **pengawal bersenjata tidak dibenarkan sama sekali menjalankan tugas-tugas selain daripada kawalan bersenjata seperti membantu tugas-tugas kaunter dan sebagainya.**

7.3 Penyimpanan Senjata Api Dan Peluru

7.3.1 setiap syarikat perlu mematuhi peraturan berikut:-

- (a) senjata api dan peluru hendaklah disimpan dengan selamat di dalam kabinet atau peti besi yang bersesuaian dan ditempatkan di dalam bilik kebal yang mengikut spesifikasi PDRM. Semua kunci termasuk kunci pendua bilik kebal hendaklah disimpan dengan selamat;
- (b) senjata api hendaklah disusun di rak senjata, dirantai dan dimangga semasa berada di dalam bilik kebal senjata api manakala peluru pula hendaklah disimpan berasingan dalam ruang penyimpanan yang berbeza dan dikunci berasingan dengan penyimpanan senjata api;
- (c) bilik kebal atau setor senjata api / peluru adalah kawasan larangan bagi semua peringkat kecuali kepada mereka yang tertentu sahaja atas urusan. Setor senjata api mesti sentiasa berkunci kecuali di atas urusan pengeluaran dan penyerahan senjata api;
- (d) menetapkan seorang pegawai yang bertanggungjawab khusus untuk menjaga urusan berkaitan dengan senjata api dan peluru. Kriteria pegawai / petugas setor seperti berikut:
 - (i) pemegang lesen C&U yang sah; dan
 - (ii) berpengalaman serta berpengetahuan dalam pengendalian senjata api.
- (e) sebarang pengeluaran dan penyerahan senjata api hendaklah dilakukan di kaunter khas, di luar pintu setor senjata api;
- (f) menyediakan satu buku daftar untuk pergerakan keluar masuk senjata api dan dicatatkan dengan lengkap yang mengandungi maklumat berikut:
 - (i) tarikh (serahan / penerimaan senjata api dan peluru);

- (ii) masa (serahan / penerimaan senjata api dan peluru);
 - (iii) tandatangan (pegawai senjata yang menyerah senjata api);
 - (iv) nama (petugas stor senjata api yang menerima serahan senjata api dan peluru); dan
 - (v) tandatangan (petugas stor senjata api yang menyerah / menerima serahan senjata api dan peluru, setelah pengesahan terima betul dan butir peluru juga betul).
- (g) melakukan pemeriksaan mengejut oleh mana-mana pegawai syarikat untuk memastikan rekod pergerakan senjata api sentiasa lengkap dan tepat;
 - (i) sebarang kehilangan, kecurian atau salahlaku ke atas senjata api dan peluru hendaklah dilaporkan dengan segera kepada polis; dan
 - (j) setiap senjata api hendaklah diselenggarakan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali untuk memastikan ianya selamat untuk digunakan.

7.4 Latihan Kepada Pengawal Bersenjata

7.4.1 setiap pengawal keselamatan yang akan menggunakan senjata api mestilah telah mendapat latihan asas pengendalian senjata api dari mana-mana institusi yang diiktiraf;

7.4.2 latihan kemahiran susulan hendaklah dilaksanakan tidak kurang daripada dua (2) kali setahun; dan

7.4.3 latihan menembak hendaklah diadakan dari semasa ke semasa, sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun

7.5 Laporan Senjata Api

7.5.1 mengemukakan laporan mengenai jumlah pengawal bersenjata, bilangan dan jenis senjata api yang dimiliki kepada KDN dan PDRM setiap enam (6) bulan sekali.

7.6 Naziran ke Atas Syarikat

- 7.6.1 Pegawai Polis (dengan pengesahan) dibenar melawat untuk memeriksa senjata api yang dimiliki bagi menentukan ianya berada dalam keadaan baik; dan
- 7.6.2 Pegawai Kementerian Dalam Negeri (dengan pengesahan) juga dibenar memeriksa bagi menentukan Peraturan Tetap ini dipatuhi.

PERMATUHAN TERHADAP SYARAT DAN PERATURAN

8. Semua agensi persendirian hendaklah mematuhi **Peraturan Tetap Operasi (PTO) No.1/2010** yang telah ditetapkan. Kegagalan syarikat mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan di atas boleh dikenakan tindakan dibawah Seksyen 4 (1), Akta Ejensi Persendirian 1971.

KUASA-KUASA BERKAITAN

9. Peraturan ini dikeluarkan selaras dengan Seksyen 3(2), Akta Ejensi Persendirian 1971 bagi tujuan mempertingkatkan lagi perkhidmatan kawalan bersenjata oleh syarikat agensi persendirian.

TARIKH KUATKUASA

10. Peraturan Tetap Operasi (PTO) No.1/2010 ini berkuatkuasa serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATO' SERI MAHMOOD BIN ADAM)

Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

Tarikh:

Salinan kepada:

- 7. Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM)
- 8. Ibu Pejabat Polis Bukit Aman (Bahagian Perlesenan Senjata Api)



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

PERATURAN TETAP OPERASI (PTO) NO.2 TAHUN 2010

Semua Syarikat Agensi Persendirian

PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN TRANSIT WANG TUNAI SERTA BARANG BERHARGA (CVIT)

TUJUAN

1. Peraturan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Syarikat Agensi Persendirian mengenai peraturan **Pengurusan dan Pengendalian Transit Wang Tunai serta Barang Berharga (CVIT)**.

LATAR BELAKANG

2. Pada tahun 2006, Kementerian telah mengeluarkan Arahan Tetap Pengendalian CVIT bagi menjelaskan peraturan yang perlu dipatuhi oleh syarikat dalam mengendalikan CVIT.

3. Walau bagaimanapun, Kementerian mendapati masih banyak syarikat pengendali CVIT tidak mematuhi peraturan dan arahan tetap pengendalian CVIT. Sejak kebelakangan ini berlaku banyak kes-kes melibatkan rompakan van keselamatan CVIT. Insiden ini mengakibatkan kehilangan sejumlah wang yang besar dengan nilai jutaan ringgit. Perkara ini sekali gus memberi impak yang buruk terhadap keselamatan negara dan sekali gus mencalarakan industri perkhidmatan kawalan keselamatan secara khususnya. Tambahan pula, perkhidmatan CVIT ini melibatkan syarikat multinasional dan institusi perbankan yang sensitif terhadap aspek keselamatan.

4. Perkhidmatan CVIT ini adalah merupakan perkhidmatan pengendalian wang tunai dan barangan berharga dari satu lokasi ke satu lokasi yang lain. Satu kaedah pelaksanaan yang cekap dan teratur perlu diwujudkan memandangkan perkhidmatan CVIT ini adalah berisiko tinggi. Oleh yang demikian, peraturan ini disediakan bagi membantu syarikat-syarikat kawalan keselamatan menjalankan perkhidmatan CVIT dengan lebih selamat dan cekap.

5. Kementerian bersama Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM) telah mengkaji dan menyediakan Peraturan Tetap Operasi ini melalui Bengkel Pindaan Akta dan Peraturan Agensi Persendirian pada 5 hingga 7 Ogos 2010 yang bertujuan untuk memartabatkan industri kawalan keselamatan ke arah yang lebih kompetatif dan berdaya maju. Di samping itu, ia juga dapat membantu menyeragamkan prosedur kerja CVIT bagi semua pengendali CVIT. Ini memandangkan, kini setiap syarikat mempunyai prosedur kerja masing-masing.

6. Peraturan ini bertujuan sebagai garis panduan bagi perjalanan operasi CVIT untuk membawa wang tunai / barangan berharga dalam mencapai tahap keselamatan yang tinggi sekaligus menjadikan perjalanan operasi CVIT menjadi lebih cekap dan berkesan.

PERATURAN TETAP PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN TRANSIT WANG TUNAI SERTA BARANG BERHARGA (CVIT)

7. Syarat-syarat pengurusan dan pengendalian CVIT oleh syarikat agensi persendirian adalah seperti berikut:

- 7.1 mempunyai **lesen agensi persendirian yang sah**;
- 7.2 **memiliki lesen senjata api dan lesen C&U** terlebih dahulu sebelum menjalankan sesuatu aktiviti kawalan bersenjata;
- 7.3 pengawal mesti **lulus tapisan keselamatan** Kementerian Dalam Negeri (KDN); dan
- 7.4 telah berkhidmat dengan syarikat sekurang-kurangnya untuk tempoh enam (6) bulan.

8. Langkah-langkah keselamatan dalam pengurusan dan pengendalian CVIT adalah seperti berikut:

8.1 Tugas Ketua Pasukan CVIT

8.1.1 sebelum CVIT

- (a) Ketua Pasukan CVIT hendaklah memberikan taklimat kepada KRU perkara-perkara berikut sebelum memulakan tugas.
 - (i) persiapan pasukan;
 - (ii) taklimat penugasan;
 - (iii) laluan keselamatan;
 - (iv) kemalangan / Kejadian dan langkah keselamatan;

- (v) tindakan serta merta; dan
- (vi) serah/ terima wang & barangan berharga

8.1.2 Selepas CVIT

- (a) Ketua Pasukan CVIT hendaklah melakukan perkara-perkara berikut :-
 - (i) menyerahkan senjata api untuk simpanan di pejabat;
 - (ii) nota serahan (*Delivery Notes*) perlu diserahkan kepada syarikat;
 - (iii) taklimat balas (*post mortem*) diberikan kepada KRU CVIT; dan
 - (iv) *Seal keselamatan (Security seal)* perlu dikembalikan semula kepada syarikat.

8.1.3 Lain-lain tatacara mengikut Manual Prosedur Kerja atau manual kualiti pengendalian CVIT yang dikeluarkan oleh Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM) dan syarikat pengendali CVIT.

8.2 Keanggotaan dan Senjata

Jumlah Wang/ Nilai Barang	Pengawal dan Senjata
RM500,000.00 dan ke bawah	1 pengawal bersenjata 1 pemandu 1 pegawai
RM500,000.00 dan ke atas	2 pengawal bersenjata (minimum 1 pumpgun) 1 pemandu 1 pegawai

8.3 Kenderaan

8.3.1 kenderaan kalis peluru (armoured vehicle) dengan tahap kalis peluru tidak kurang daripada 9mm. Alat perhubungan dipasang pada kenderaan dan dipamerkan nombor telefon balai polis berhampiran. Kenderaan hendaklah sentiasa diselenggara dan berkeadaan baik.

8.4 **Karung Wang**

8.4.1 penggunaan karung wang yang mempunyai ciri keselamatan dan penggunaan 'security seal' diwajibkan

8.5 **Cara Perjalanan**

8.5.1 kenderaan tidak dibenarkan berhenti semasa perjalanan, jika perlu hanya di Balai Polis berhampiran. Adalah dinasihatkan supaya masa perjalanan dan laluan hendaklah sentiasa diubah oleh pihak syarikat dan pemandu tidak dibenarkan mengubah perjalanan tanpa kebenaran syarikat. Pemandu dikehendaki menggunakan jalan besar dan bukan jalan kecil atau jalan yang kurang diketahui.

8.6 **Kawalan Semasa Pemindahan Wang:**

8.6.1 tatacara pengawal keselamatan semasa urusan CVIT dilakukan:

- (a) seorang pengawal keselamatan bersenjata hendaklah menunggu dan mengawal di dalam bank (atau bangunan) semasa pengawal yang lain membawa wang ke kenderaan atau ke bank;
- (b) seorang pengawal bersenjata yang lain hendaklah menunggu di luar bank (berdekatan dengan kenderaan kalis peluru) bagi mengawasi keadaan sekeliling. Sebelum wang dibawa keluar, pengawal tersebut hendaklah memberikan isyarat kepada pengawal bersenjata di bank untuk memastikan keadaan adalah selamat;
- (c) pembawa wang hendaklah terdiri daripada pengawal yang tidak bersenjata;
- (d) pengawal keselamatan bank bolehlah membantu dengan mengawasi keadaan sekeliling; dan
- (e) Pemandu kenderaan kalis peluru hendaklah sentiasa berada di dalam kenderaan pada setiap masa.

8.7 **Kenderaan pengiring**

8.7.1 adalah digalakkan setiap van yang membawa wang berjumlah RM500,000.00 dan ke atas hendaklah diikuti secara rahsia (*unseen escort*) oleh sebuah kenderaan lain (motokar atau motosikal) yang juga membawa pengawal bersenjata bagi mengawasi keselamatan van yang membawa wang.

8.8 Jaket dan 'helmet' kalis peluru

8.8.1 setiap pengawal keselamatan yang ditugaskan dalam pengendalian CIT hendaklah dibekalkan dengan jaket dan 'helmet' kalis peluru.

8.9 Keselamatan Wang

8.9.1 wang yang dibawa tidak dibenarkan ditinggalkan tanpa dikawal oleh pengawal keselamatan.

8.10 Penggunaan Alat Perhubungan

8.10.1 semua pengawal keselamatan yang terlibat dalam pengendalian CIT dimestikan mempunyai alat perhubungan masing-masing.

8.11 Pengawal Keselamatan

8.11.1 pengawal keselamatan yang terlibat dalam pengendalian CIT hendaklah mempunyai fizikal yang tegap dan sihat tubuh badan, berumur tidak melebihi 55 tahun ke atas.

9. Latihan Kepada Pengawal CVIT

9.1 setiap pengawal keselamatan mestilah telah mendapat latihan asas pengendalian CVIT dari mana-mana institusi yang diiktiraf.

10. Laporan

10.1 mengemukakan laporan mengenai jumlah pengawal CVIT, bilangan dan jenis kenderaan CVIT yang dimiliki kepada KDN pada atau sebelum 31 Disember setiap tahun.

11. Naziran ke Atas Syarikat

11.1 pegawai Kementerian Dalam Negeri atau mana-mana pegawai termasuk Pejabat Ketua Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK) atau pegawai polis (dengan pengesahan) juga dibenar memeriksa bagi menentukan Peraturan Tetap ini dipatuhi.

PERMATUHAN TERHADAP SYARAT DAN PERATURAN

12. Semua agensi persendirian hendaklah mematuhi **Peraturan Tetap Operasi (PTO) No.2 Tahun 2010** yang telah ditetapkan. Kegagalan syarikat mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan di atas boleh dikenakan tindakan dibawah Seksyen 4 (1), Akta Ejensi Persendirian 1971.

KUASA-KUASA BERKAITAN

13. Pekeliling ini dikeluarkan selaras dengan Seksyen 3(2) dan Seskyen 18, Akta Ejensi Persendirian 1971 bagi tujuan mempertingkatkan lagi perkhidmatan syarikat kawalan keselamatan.

TARIKH KUATKUASA

14. **Peraturan Tetap Operasi (PTO) No.2 Tahun 2010** ini berkuatkuasa serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATO' SERI MAHMOOD BIN ADAM)

Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

Tarikh:

Salinan kepada:

Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM)

Pejabat Ketua Pegawai Kerajaan Malaysia (KPKK)

Ibu Pejabat Polis Bukit Aman

Persatuan Bank-Bank Malaysia